

PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2022/23

Pemberitahuan Usul

DEWAN INI MENCADANGKAN ENAKMEN PERUNTUKAN SAKSAMA AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI

Salam sejahtera dan terima kasih kepada tuan yang dipertua, pihak kerajaan dan pihak pembangkang.

Sebagai pihak backbencher, saya di sini ingin mencadangkan suatu usul yang berbunyi “Enakmen Peruntukan Saksama Ahli Dewan Undangan Negeri”. Saya yakin selepas perbahasan sidang dewan yang mulia ini, usul ini bakat diluluskan kerana usul ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

Tuan yang dipertua,

Pertama sekali, saya akan menyebut 2 kepentingan untuk kami meluluskan usul ini dan seterusnya saya akan menyebut tentang sebab polisi ini perlu termaktub dalam perlembagaan negeri kita

Biasanya, pihak kerajaan akan mengabaikan dan meminggirkan ADUN yang berada di parti yang berbeza. Pihak kerajaan tidak sepatutnya menyalahkan rakyat dan mendenda rakyat yang berada di kawasan konstituen pihak pembangkang. Rakyat di situ mengamalkan amalan demokrasi dan membuat pilihan mereka untuk memilih wakil rakyat yang diingini oleh mereka. Walaupun wakil rakyat mereka berada di blok pembangkang, mereka tidak wajar diabaikan dan dihukum dengan membatalkan peruntukan yang sepatutnya diberikan kepada mereka. Kita berada di sebuah negara yang berdemokrasi, kita perlu menghormati pilihan rakyat di konstituen tersebut walaupun rakyat di konstituen tersebut memilih seorang wakil rakyat yang tidak

menyokong kerajaan. Kerajaan perlu bertindak adil kepada semua pihak dan semua rakyat di negeri Pulau Pinang.

Selain itu, usul ini perlu diluluskan kerana polisi ini dapat menambahbaik sistem demokrasi negeri kita. Apabila pihak pembangkang atau sesiapa ADUN tidak mendapat peruntukan, mereka akan menjadikan hal ini sebagai satu alasan mereka tidak mampu untuk berkhidmat kepada rakyat. Sekiranya semua ADUN mendapatkan peruntukan yang sama rata, rakyat dapat bernilai mana-mana ADUN yang berkemampuan untuk berkhidmat dan semua ADUN tidak ada alasan lagi untuk melalaikan tanggungjawab mereka. Di samping itu, pihak kerajaan sekarang perlu menyedari bahawa mereka tidak akan kekal abadi dan tidak akan memegang kuasa pemerintahan selama-lamanya. Pihak kerajaan kini akan menjadi pihak pembangkang juga pada suatu hari nanti kerana kita berada di sebuah negeri yang mengamalkan sistem demokrasi. Jadi tidak kira mana-mana parti politik yang menang dalam pilihan raya dan memerintah, semua ADUN akan mendapat peruntukan yang sama rata dan setiap parti yang mempunyai wakil rakyat dalam DUN Pulau Pinang dapat berkhidmat kepada rakyat dengan elok dan menunjukkan kebolehan mereka. Tegasnya, peruntukan yang sama rata dapat membolehkan pengundi kita menilai wakil raykat mereka dengan lebih menyeluruh dan polisi ini memberikan manfaat kepada semua parti politik kerana kita tidak dapat jangka siapa yang akan menjadi kerajaan siapa yang akan menjadi pembangkang pada pilihan raya yang akan datang.

Sebelum itu, ADUN pembangkang telah meminta kerajaan negeri untuk memberikan peruntukan sama rata yang kepada semua ADUN tanpa mengira parti pada tahun 2021. Selepas itu pihak kerajaan telah berjanji untuk memberikan peruntukan yang sama rata kepada pihak pembangkang tetapi pada hari ini, apa yang saya ingin mencadangkan ialah polisi peruntukan yang sama rata kepada semua ADUN perlu termaktub dalam perlembagaan negeri kita kerana ini adalah satu reformasi yang penting dan menjamin semua rakyat negeri Pulau Pinang tidak akan didiskriminasi oleh sebab perbezaan ideologi politik. Salah satu kegunaan perlembagaan kita adalah untuk menjamin hak asasi semua rakyat dapat dilindungi dan mana-mana rakyat tidak boleh didiskriminasi

oleh apa-apa sebab. Jika pihak kerajaan membatalkan peruntukan kepada mana-mana ADUN yang tidak mempunyai ideologi politik yang sama dan tidak menyokong kerajaan, pihak kerajaan sebenarnya sedang mendiskriminasikan pengundi yang memilih ADUN tersebut. Wang dan kebajikan yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat di konstituen tersebut telah dicabuli oleh pihak kerajaan. Setiap rakyat perlu dilihat dan dilayan sama rata tanpa prejudis walaupun merupakan dalam kumpulan minoriti. Polisi ini patut dimaktub dalam perlembagaan negeri supaya hak asasi setiap rakyat Pulau Pinang dapat dijamin.

Kesimpulannya, saya di sini menyeru semua ahli-ahli yang berhormat untuk menyokong usul ini kerana usul ini bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada pihak kerajaan dan pembangkang, malahan kebajikan rakyat di luar dapat dijamin.

Tuan yang dipertua, saya mohon untuk mencadang.

Tang Yi Ze

N18 Bukit Tambun

Sidang Muda 2022/23



SIDANG MUDA
PULAU PINANG